

Malaysia komited jadi destinasi pelaburan terbaik

UM - 15/9/2020 m.k.: 3

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
aimy.ahmad@mediamulia.com.my

MELAKA: Kerajaan komited mewujudkan persekitaran pelaburan sihat dalam negara untuk menjadi destinasi pelaburan terbaik di Asia Tenggara.

Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, keyakinan itu penting bagi menggalakkan pelabur menambah pelaburan mereka.

Menurutnya, sektor perkilangan juga direkodkan menyumbang sebanyak 22.3 peratus kepada kadar pertumbuhan ekonomi negara pada tahun lepas.

“Daripada jumlah itu, industri elektronik merupakan penyumbang utama dalam sektor perkilangan berdasarkan jumlah pelaburan daripada syarikat-syarikat antarabangsa,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan Pejabat Perdana Menteri semalam.

Terdahulu, Muhyiddin melawat kilang Infineon Technologies di Batu Berendam selepas hadir mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi (EAC).

Turut serta ialah Ketua Menteri, Datuk Seri Sulaiman Md. Ali dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Da-



MUHYIDDIN Yassin melambai tangan kepada para pekerja Infineon Technologies ketika melawat kilang itu di Batu Berendam, Melaka, semalam. - UTUSAN/ RASUL AZLI SAMAD

tuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Perdana Menteri turut mengumumkan komitmen Infineon untuk melabur sejumlah RM3.25 bilion dalam jangka masa 10 tahun sehingga 2029.

Melalui pelaburan itu, Infineon telah membuka jalan untuk merencanakan nilai rantaian sektor semi konduktor ke arah proses berkeuntungan tinggi seperti *Packaged Integrated Circuit*.

“Pelaburan ini menjadi mer-

cu tanda dalam hubungan kerjasama pelbagai bidang antara Malaysia-Jerman dan juga simbol tahap keyakinan tinggi oleh pelabur asing terhadap kestabilan dan daya tarikan Malaysia.

“Dengan pengalaman selama 40 tahun dalam bidang semi konduktor automotif, Infineon membuktikan keupayaan mereka untuk terus memacu industri elektronik maju ke hadapan,” katanya.

Malaysia adalah satu-satu-

nya negara di luar Jerman yang menyaksikan Infineon mempunyai kemudahan proses ujian dan pengumpulan *Wafer Fabrication* untuk kilang berkenaan.

Semasa lawatan itu, Perdana Menteri telah diberi taklimat berhubung operasi kilang tersebut yang memiliki seramai 9,000 pekerja dan mendengar pandangan serta cabaran yang dihadapi oleh pihak pengurusan dan pekerja Infineon susulan pasca Covid-19.